

20/08/2000

MB baru isyarat perubahan lebih baik

man Hashim; Afzan Mohd Yusof

KUALA LUMPUR; Beberapa tokoh dan pemimpin politik menyifatkan pelantikan Dr Mohamad Khir Toyo sebagai Menteri Besar Selangor yang baru adalah isyarat kepada perubahan yang lebih baik bagi kepeimpinan negara masa depan.

Rata-rata menganggap pelantikan itu agak mengejutkan tetapi mereka akur dengan kriteria pemilihan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata: "Saya yakin dengan kerjasama dan pertolongan Tan Sri Muhammad Moh Taib (kepada Dr Mohamad Khir) serta sokongan beliau, Insya-Allah, MB Selangor akan jadi MB yang berjaya," katanya.

Ditanya mengenai kedudukan Timbalan Menteri Besar Datuk Zainal Abidin Ahmad, Abdullah berkata Dr Mohamad Khir akan menentukan kedudukan itu selepas berbincang dengan Dr Mahathir dan Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah.

"Pada waktu ini tidak ada apa-apa perubahan," katanya.

Di LANGKAWI, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata pelantikan Dr Mohamad Khir sebagai Menteri Besar Selangor yang baru itu menunjukkan Dr Mahathir memberi contoh paling tepat mengenai kriteria memilih pemimpin.

Ketika ditemui di sini, semalam, Syed Razak berkata, pemilihan Dr Mohamad Khir adalah satu isyarat perubahan yang baik dalam pemilihan pemimpin masa depan.

"Berdasarkan pemilihan itu, kita dapat lihat Dr Mahathir cuba melakukan perubahan mengikut kesesuaian selain mengekalkan suasana tenteram dalam arus politik negara.

"Ini menunjukkan tidak semestinya seseorang calon Menteri Besar itu seorang ketua atau ahli jawatankuasa bahagian, asalkan beliau ahli Umno," katanya sambil mengakui pilihan Dr Mahathir adalah bijak dan tepat.

Mengenai usia muda Dr Mohamad Khir, Syed Razak berkata, ia tidak perlu dijadikan ukuran kerana apa yang penting ialah sanggup bekerja kuat dan dapat menunjukkan daya kepemimpinan yang baik untuk menjayakan wawasan negara.

Di KOTA BHARU, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata kerajaan negeri menyambut baik pelantikan Dr Mohamad Khir sebagai Menteri Besar Selangor yang baru.

"Dari segi pentadbiran, memang elok kita lantik orang yang tidak disebut-sebut (dalam senarai) supaya semangat perebutan di kalangan sesama sendiri tidak berlaku.

"Nak berebut buat apa sebab kuasa (melantik) ada di tangan orang lain. Baguslah pelantikan Dr Mohamad Khir tu ... kita harap masa depan tak ada lagi manusia nak berebut jawatan," katanya ketika ditemui di JKR 10 di sini, semalam.

DI MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, menganggap pelantikan Dr Mohamad Khir sebagai Menteri Besar Selangor yang baru, sebagai satu pengiktirafan kepada pemimpin muda, khususnya daripada Umno.

Menurut Mohd Ali, sebagai pemimpin yang aktif dalam Pemuda Umno dan juga pertubuhan belia, Dr Mohamad Khir mampu melaksanakan tugas itu dengan berkesan seperti yang dilakukan oleh semua menteri besar sebelumnya.

"Saya percaya, kebolehan memimpin serta latar belakang pendidikan yang ada pada Dr Mohamad, menyebabkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak ragu-ragu melantik beliau sebagai Menteri Besar Selangor,"

katanya.

Beliau menjelaskan, kerajaan negeri akan terus mengadakan kerjasama dengan Selangor, selaras dengan kerjasama Zon Tengah yang dipersetujui sebelum ini, iaitu membabitkan Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor.

Di KOTA KINABALU, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Seri Salleh Tun Said yakin Dr Mohamad Khir mampu merealisasikan agenda pembangunan Selangor dan meletakkannya ke mercu kegemilangan.

Sambil menyifatkan pelantikan itu sebagai gandingan mantap generasi baru dan lama, beliau berkata ia bertepatan dengan wawasan Umno mewujudkan kepemimpinan masa depan.

"Sewajarnya generasi baru memikul tanggungjawab besar demi kesinambungan perjuangan parti untuk bangsa dan negara," katanya.

Salleh yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata pelantikan cepat Menteri Besar bukan saja mengelak spekulasi politik berpanjangan, tetapi lebih penting dapat menentukan semua perancangan dan program kerajaan tidak terjejas sedikit pun.

Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) pula merakamkan ucapan tahniah atas perlantikan Dr Mohamad Khir sebagai Menteri Besar Selangor ke-9 selepas merdeka.

Pengerusi Abim, Ahmad Azam Abdul Rahman dalam kenyataan akhbarinya semalam berkata, sebagai Menteri Besar termuda di Selangor yang belum lagi mempunyai sejarah politik panjang dan berliku, Abim mengharapkan beliau dapat meletakkan satu model kepimpinan terbaik, menepati ciri-ciri Islam sebagaimana pernah berlaku dalam sejarah keagungan Islam seperti Khulafa Ar Rashidin dan juga Khalifah Umar Abdul Aziz.

"Pelantikan itu dianggap pengiktirafan kepada sumbangan generasi muda bagi menangani cabaran baru. Sesungguhnya kemuliaan dan ketinggian akhlak adalah kriteria terpenting untuk menjadi seorang pemimpin agung.

"Abim menaruh keyakinan di atas kewibawaan beliau dalam persoalan akhlak ini dan sekira ianya diberi perhatian bersungguh-sungguh, akan dapat memulihkan keyakinan rakyat terhadap Institusi Menteri Besar yang sering dikaitkan dengan pelbagai skandal dan sebagai pengerusia Biro Agama Pemuda Umno, kita juga berkeyakinan beliau akan meletakkan agama sebagai faktor terpenting," katanya.

Justeru, Abim bersedia menyumbang buah fikiran dan tenaga untuk menjayakan cita-cita murni itu dan berharap, Selangor akan membawa era baru yang lebih gemilang dan menyakinkan umat Islam khususnya.

Sementara itu, Pergerakan Pemuda Umno Malaysia dalam kenyataan akhbarinya di sini semalam turut mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas kepercayaan dan keyakinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana melantik Exco Pergerakan Pemuda Umno itu, sebagai Menteri Besar Selangor.

Pergerakan Pemuda Umno yakin perlantikan itu bertepatan dengan aspirasi perjuangan Umno demi agama, bangsa dan negara serta mencerminkan keyakinan Perdana Menteri kepada kewibawaan dan kemampuan pemimpin muda seperti Mohamad Khir untuk memikul amanah dan tanggungjawab berat itu.

Pelantikan itu juga pastinya akan menyemarakkan semangat warga pemuda untuk meningkatkan sumbangan dan perkhidmatan kepada rakyat.

Sementara itu, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, mengalu-alukan pelantikan Mohamad Khir sebagai Menteri Besar Selangor yang baru, kelmarin.

"Saya mengalu-alukan pelantikan baru itu dan mengucapkan selamat maju jaya kepada beliau (Mohamad Khir)," katanya.

(END)